



UNIVERSITI
MALAYSIA
KELANTAN

UMK.PC/B01.02/100-6/1(62)

9 APRIL 2014

PEKELILING AKADEMIK BIL. 2/2014

**KEWAJIPAN PENGHANTARAN LAPORAN KEMAJUAN KURSUS (LKK) OLEH STAF YANG
SEDANG CUTI BELAJAR ATAU TELAH TAMAT TEMPOH CUTI BELAJAR**

Saya dengan segala hormatnya merujuk kepada keputusan Mesyuarat Jawatankuasa Cuti Belajar Bilangan 2/2014 (Kali ke-27) bertarikh 24 Mac 2014 mengenai perkara di atas.

2. Adalah dimaklumkan bahawa pihak Universiti mengambil serius mengenai kegagalan staf Cuti Belajar mengemukakan status pengajian dalam tempoh yang ditetapkan.
3. Sehubungan itu, pihak Universiti telah memutuskan untuk mengenakan tindakan penahanan elaun bulanan dan pergerakan gaji terhadap mana-mana staf sedang cuti belajar atau telah tamat tempoh cuti belajar yang gagal untuk menyerahkan Laporan Kemajuan Kursus (LKK) kepada Unit Cuti Belajar pada setiap 30 Jun dan 31 Disember bagi tahun semasa.
4. Oleh itu, Panduan dan Peraturan Cuti Belajar perkara 14.2 (iv) "*Sekiranya Laporan Kemajuan Kursus masih tidak diterima sebulan selepas surat amaran pertama dikeluarkan, UMK berhak menahan elaun bulanan dan pergerakan gaji staf pada tahun berkenaan*" adalah dipinda berkuatkuasa mulai 10 April 2014.
5. Semua staf Cuti Belajar diminta untuk mengambil maklum dan mematuhi peraturan baharu ini.

Sekian, terima kasih.

"ISLAM DIHAYATI, RAJA DITAATI, RAKYAT DINAUNGI"
"BERKHIDMAT UNTUK NEGARA"

Yang benar,

PROF. DR. ROSELINA AHMAD SAUFI
Timbalan Naib Canselor (Akademik & Antarabangsa)

- s.k.
- YBhg. Prof. Datuk Naib Canselor
 - Timbalan-Timbalan Naib Canselor
 - Pendaftar
 - Semua Dekan/ Pengarah Pusat
 - Edaran